

Belasungkawa

Prof Ungku Aziz tokoh tersohor, ikon negara

Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz atau lebih dikenali sebagai Pak Ungku, ialah sebenar-benarnya tokoh tersohor ikon negara.

Beliau ahli akademik tersohor di peringkat antarabangsa dalam bidang ekonomi. Pernah menjadi konsultan kepada beberapa pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dan Suruhanjaya Ekonomi Asia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Di negara ini, beliau mula bertugas sebagai pegawai pentadbir di Johor. Berikutnya sebagai pensyair di Universiti Malaya (Singapura) dari 1952-1961.

Antara 1956-1957, beliau dilantik sebagai Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Dilantik pulak ke jawatan profesor dan seterusnya Dekan, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya (Kuala Lumpur) dari 1962-1965.

Sejak 1968 ke 1988, beliau ialah anak watan pertama diangkat dan bertugas menjadi Naib Canselor, Universiti Malaya (UM). Selama 20 tahun beliau menjawat jawatan itu.

Dalam bidang ekonomi, minat beliau adalah terhadap ekonomi luar bandar. Prof Ungku Aziz terkenal dengan teori 'Sarong Index' yang digunakan untuk mengukur kaya-miskin seseorang berdasarkan bilangan sarung yang dimiliki.

Berpunca kajian ekonomi mengenai kemiskinan luar bandar, minatnya terhadap kemiskinan dalam kalangan Bumiputera meningkat.

Sumbangannya bersifat advokasi



**Proفسور
Ulung Datuk
Dr Shamsul
Amri
Baharuuddin**

awam memanfaatkan jutaan rakyat di semua lapisan dari dahulu hingga sekarang tidak dapat dinafikan, malah setakat ini tiada mampu menandingi.

Dapatkan daripada kajian ilmiah beliau memberi motivasi kepada para ahli berfiliran dan mencetuskan idea, berdasarkan kepakaran mereka dalam ilmu ekonomi, mendirikan beberapa institusi inovatif untuk mengangkat kedudukan Bumiputera luar bandar yang kettinggalan khasnya dan Bumiputera terkebakar dari segi ekonomi di seluruh negara amnya.

Terasnya Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) pada 1969 adalah cetusan idea besar beliau, menyumbang sekali gus kepada Bumiputera yang ingin menabung untuk naik haji di Makkah.

Ia juga babit pertama ekonomi Islam dan penubuhan institusi kewangan Islam yang kini berkembang pesat di seluruh dunia dengan Malaysia menjadi hub utama.

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) yang ditubuh dan diwartakan pada Mei 1971, pun adalah cetusan idea Prof Ungku Aziz yang menjadikan Yang Dipertua ANGKASA lebih 40 tahun.

Beliau berulang kali mengajukan pandangan pembangunan materialisme tanpa pembangunan spiritual dan nilai tidak lengkap jadinya pembangunan ekonomi itu.

Pertubuhan ini dianggap sebagai perkongsian puncak memayungi semua koperasi di negara ini. Jutaan penjawat awam di Malaysia menganggotainya membantu mengurus hal ehwal kewangan mereka.

Dari sudut pendidikan, yang diutamakan beliau adalah pendidikan anak-anak Bumiputera miskin di luar bandar guna menjadi wahana kepada mobiliti sosial mereka dan keluarga, mengangkat mereka daripada kemiskinan ke kehidupan senang dan mampu bersaing di pasaran kerja malah dalam bidang sains dan teknologi serta syarikat korporat.

Prof Ungku Aziz mementingkan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

Pada 1977, beliau mengasaskan satu-satunya Pusat Asasi Sains di Malaysia bertempat di UM yang membuka peluang kepada pelajar Bumiputera luar bandar yang miskin untuk akhirnya mampu mencebur ke bidang sains dan teknologi.

Setakat ini pusat berkenaan melahirkan kira-kira 2,000 doktor perubatan; 800 doktor pergigian dan 2600 jurutera. Kesemuanya memperoleh ijazah dari pada UM. Ini satu pencapaian sumgguh luar biasa dan cukup membanggakan.

Dalam bidang pembangunan negara, beliau mempunyai kefahamannya tersendiri dan sangat berbeza dengan pandang ahli Ekonomi Barat atau ahli ekonomi Malaysia lulusan Barat. Mungkin kerana beliau memperoleh pendidikan awal dan selesai dengan ijazah doktor falsafah (PhD) pada 1968 di Waseda University, Jepun, kelainan ini terjelma je-

las.

Aspek materialisme pembangunan ekonomi menjadi perbincangan dan kritik beliau dalam tulisan di akhbar, dalam bahasa Melayu dan Inggeris serta dalam wawancara di radio dan te-

levisyen sepanjang 1980-an.

Beliau berulang kali mengajukan pandangan pembangunan materialisme tanpa pembangunan spiritual dan nilai tidak lengkap jadinya pembangunan ekonomi itu.

Seterusnya dalam 1980-an juga beliau membincangkan perlunya orang Melayu mengkaji dan mendalami mengenai warisan kesusastraan dan intelektual silam yang banyak mengandungi mutu idea dan pemikiran budaya tinggi dalam tulisannya dengan panjang lebar.

Penjajahan Barat memutuskan hubungan antara warisan ini dengan masyarakat Melayu moden.

Kajiannya mengenai pantun dalam tahun 1990-an memberi beliau bahan untuk menyatakan bahawa usaha perdagangan kaum Melayu telah lama terasas dan terjalin dalam kalangan pelabur bagi suku kaum di Alam Melayu.


Pada pendapatnya, "Manusia Timur telah lama berperadaban dan berjaya berdagang sesama sendiri di Alam Melayu sebelum kedadutan Eropah," yang terulkil dalam tulisannya berjudul *Space and Time in the Malay Mind* (New Straits Times 1992).

Beliau sebenar-benarnya seorang public intellectual atau ahli intelektual rakyat, yang jasanya bersemadi dalam kehidupan semua lapisan rakyat Melayu.

Tak terbilang jumlah anugerah antarabangsa dan dalam negara yang telah diterimanya. Lebih besar lagi ialah penghargaan berbentuk pelestarian segalia idea dan sumbangan beliau dalam masyarakat Malaysia.

Semoga rohnya ditempatkan dengan golongan soleh.

Penulis adalah Pengerusi Majlis Profesor Negara dan Penyandang Kursi UNESCO di Universiti Kebangsaan Malaysia



Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid

» Allahyarham dilahirkan di London, United Kingdom pada 28 Januari 1922.

» Allahyarham mempunyai darah kerabat diraja Johor menerusi bapanya, Lettuhan Ungku Abdul Hamid Ungku Abdul Majid yang pernah berkhidmat bersama Pasukan Askar Timbalan Setia Negeri Johor (ATSNJ/JMF).

» Mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Ngee Heng, Johor Bahru, kemudian di Sekolah Bukit Zahrah dan seterusnya di English College, Johor Bahru, Sekolah Melayu Batu Pahat.

» Menyambung pengajian di Raffles College sebelum ke Universiti Malaya, Singapura dan mendapat ijazah ekonomi pada tahun 1951.

» Mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang ekonomi di Universiti Waseda, Tokyo pada 1964.

» Menyertai Perkhidmatan Awam Johor (JCS) pada 1951. » Berkahwin dengan Sharifah Azah Aziz dan dikurniakan seorang anak perempuan, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, bekas Gabenor Bank Negara Malaysia.

» Berkhidmat sebagai Pensyarah Ekonomi di Universiti Malaya Singapura antara 1952 dan 1961.

» Dilantik sebagai Profesor dan Dekan Fakulti Ekonomi di Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur pada 1961 hingga 1965.

» Pada Oktober 1968, Allahyarham dilantik sebagai

Naib Canselor, UM menggantikan Dr J H E Griffiths selama 20 tahun hingga 1988.

» Mencetuskan idea penubuhan Pusat Asasi Sains, UM

» Pada 1959, Allahyarham mencadangkan kepada kerajaan idea penubuhan Lembaga Urusan Tabung Haji melalui Pelan Penambahbaikan Ekonomi Jemaah Haji Muslim.

» Terbabit dalam merangka Dasar Ekonomi Baru (DEB)

» Pencetus idea dan pengasas Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) pada 1971.

» Dianugerahkan gelaran Profesor Diraja Ekonomi dalam bidang Pembangunan Luar Bandar pada 1978.

» Memenangi Hadiah Interna-

tional Academic Prize of The 4th Fukuoka Asian Cultural Prizes pada 1993.

» Dianugerahkan Tokoh Maal Hijrah oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 1997.

» Menerima Japan Foundation Award pada 1981.

» Dianugerahkan sebagai Tokoh Koperasi Negara pada 21 Julai 2002.

» Dianugerahkan sebagai Tokoh Ekonomi Melayu pada 25 Jun 2005.

» Menerima Anugerah Akademik Negara pada 2006.


» Menjadi Ahli Majlis Tadbir Urus, Pusat Pengajaran Kewangan Islam Antarabangsa, Bank Negara Malaysia (INCEIF Governing Council) pada 2006 hingga 2009.



Jenazah Ungku Aziz dibawa ke Masjid At-Taqwa untuk disembahyangkan, malam tadi. (Foto Syraf Hamzah /BH)



Tunku Hajah Azizah diiringi Zeti Akhtar menziarahi jenazah Ungku Abdul Aziz di Masjid At-Taqwa, Taman Tun Dr Ismail, Kuala Lumpur, malam tadi.



Seri Paduka, Raja Permaisuri zahir ucapan takziah

Kuala Lumpur: Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong menzahirkan ucapan takziah kepada seluruh keluarga Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid yang meninggal dunia akibat sakit tua, petang semalam.

Dalam satu kenyataan di Facebook rasmi Istana Negara, baginda berdua turut menzahirkan rasa sedih dengan pemergian Allahyarham dan

berharap seluruh keluarganya sabar dan tahai menghadapi dugaan serta suasana plu ini.

"Raginda berdua amat menghargai khidmat bakti dan jasa Allahyarham kepada masyarakat dan negara serta menyifatkan pemergiamnya sebagai kehilangan besar kepada negara."

"Baginda berdua mendoakan roh Allahyarham dicururi rahmat oleh Allah SWT dan dilemparkan bersama para soulhain," kata kenyataan itu.

Ungku Aziz selamat dikebumi malam tadi

Tokoh ekonomi, pendidikan negara meninggal kerana sakit tua

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tokoh ekonomi dan pendidikan negara, Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid, selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Bukit Kiara, di sini, malam tadi.

Allahyarham yang berusia 98 tahun, meninggal dunia kerana sakit tua kira-kira jam 4 petang ketika menerima rawatan di Hospital Prince Court, di sini.

Perkara itu disahkan isterinya yang juga bekas Naib Yang Dipertua Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA), Rahayah Baheran.

Jenazah Allahyarham yang juga bapa kepada bekas Gabenor Bank Negara, Tan Sri Zeti Akhtar, dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Bukit Kiara, kira-kira jam 9.15 malam.

Terdahulu, jenazah sebaik selepas dimandik serta dikafankan, dibawa dari Hospital Prince Court ke Masjid At-Taqwa di Taman Tun Dr Ismail (TTDI) untuk urusan solat jenazah.

Allahyarham mendapat ijazah dalam bidang ekonomi pada 1951 di Universiti Malaya (UM), Singapura sebelum memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang sama di Universiti Waseda,



Jenazah Ungku Aziz disembahyangkan di Masjid At-Taqwa, Taman Tun Dr Ismail, Kuala Lumpur.

Tokyo pada 1964.

Ungku Aziz pernah berkhidmat di Fakulti Ekonomi UM di Kuala Lumpur antara 1961 hingga 1965 dan pernah menjadi Dekan di fakulti itu.

Pada 1968, Allahyarham dilantik Naib Canselor UM sehingga 1988 dan beliau juga Naib Canselor paling lama berkhidmat di universiti berkenaan.

Beliau dianugerahkan gelaran Profesor Diraja Ekonomi (Pembangunan Luar Bandar) pada 17 Jun 1978.

Dari segi peranan, Ungku Aziz diakui tokoh penting di sebalik penubuhan Lembaga Urusan Tabung Haji (TH) dan ANGKASA, serta dianugerahkan Tokoh Koperasi Negara sempena Hari Koperasi Ne-

garai, pada 21 Julai 2002 selain Tokoh Maal Hijrah pada 1997.

Allahyarham juga dianugerahkan Tokoh Ekonomi Melayu pada 25 Jun 2005 dan menerima Anugerah Akademik Negara pada 2006.

Allahyarham juga antara tokoh ekonomi yang terbabit dalam merangka Dasar Ekonomi Baru pada 2009.

Dalam pada itu, Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah, berkenan memberi penghormatan terakhir kepada Allahyarham di Masjid At-Taqwa di Taman Tun Dr Ismail (TTDI).

Tunku Azizah tiba di pekarangan masjid bersama pengiring kira-kira jam 7.55 malam.